

**NAMA:**..... **TAHUN :**.....

**011**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**Julai**  
**50 minit**

---

**PEPERIKSAAN PRA UPSR**  
**SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH**  
**2013**

---

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Lima puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Bagi setiap soalan, hitamkan **satu** ruangan sahaja.*
4. *Sekiranya kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan kamu yang baharu.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

[Lihat halaman Sebelah

**Soalan 1 - 18***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 “Beta memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi atas anugerah-Nya ini,”  
\_\_\_\_\_ baginda.
- A titah  
B sembah  
C junjung  
D perkenan
- 2 Para peserta rombongan dapat \_\_\_\_\_ udara yang segar dan nyaman di pusat pelancongan tanah tinggi.
- A menarik  
B mencium  
C menghidu  
D menyedut

**Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.**

- 3 Nasi yang dimakan oleh Marwan \_\_\_\_\_ keluar apabila dia batuk secara tiba-tiba.
- A tersebur  
B terpancut  
C terpercik  
D tersebar

**Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.**



- 4** Bahagian mata keris yang panjang serta \_\_\_\_\_ boleh tertusuk pada mangsa.
- A tirus  
B lurus  
C tumpul  
D bengkok
- 5** Kerepek pisang yang disimpan dalam balang itu telah \_\_\_\_\_.
- A lembut  
B lembik  
C lemau  
D empuk
- 6** Rumah \_\_\_\_\_ yang sudah lama ditinggalkan itu telah roboh setelah tiang kayunya \_\_\_\_\_ dimakan anai-anai.
- A lama...lembut  
B usang...reput  
C buruk...rapuh  
D usang...hancur
- 7** Mariam gembira menerima tawaran \_\_\_\_\_ Syarikat Alfa untuk bekerja sebagai akauntan.
- A dari  
B oleh  
C pada  
D daripada

- 8 Kedai Buku Aneka memberi potongan harga \_\_\_\_\_ pelanggan \_\_\_\_\_ mereka akan terus melanggan barang di kedai tersebut.
- A kepada ... supaya  
B dengan ... apabila  
C bagi ... andai  
D untuk ... agar
- 9 Akibat banjir, \_\_\_\_\_ buah rumah di kampung itu ditenggelami air.
- A sebahagian  
B beberapa  
C setengah  
D setiap
- 10 Doktor Abdul Karim membuat \_\_\_\_\_ sebelum memberi \_\_\_\_\_ kepada pesakit beliau.
- A memeriksa ... rawatan  
B pemeriksaan ... dirawat  
C pemeriksaan... rawatan  
D memeriksa ...dirawat
- 11 Kami menyokong \_\_\_\_\_ Radhi sebagai ahli baharu dalam Persatuan Silat Gayung itu.
- A memasukkan  
B kemasukan  
C memasuki  
D termasuk
- 12 Puan Sabariah menjadi \_\_\_\_\_ di Taska Adik Manja sejak lapan tahun yang lalu.
- A asuhan  
B pengasuh  
C mengasuh  
D pengasuhan

- 13 Walaupun diberhentikan kerja, Murugan tidak mudah \_\_\_\_\_ untuk menyara keluarganya.
- A patah kandar  
B bekas tangan  
C membuka jalan  
D tenggelam punca
- 14 Kakak \_\_\_\_\_ ke tempat kerjanya kerana dia terlewat bangun.
- A bergegas-gegas  
B bersorak-sorak  
C bertolak-tolak  
D berkejar-kejar
- 15 Jalan raya di Kampung Harmoni \_\_\_\_\_ kerana kerap dilalui oleh kenderaan berat.
- A licin-licau  
B lekuk-lekak  
C simpang-siur  
D bengkang-bengkok
- 16 Hasnah mendeklamasikan se \_\_\_\_\_ sajak dan empat \_\_\_\_\_ pantun sempena sambutan Hari Guru di sekolahnya.
- A untai ... baris  
B gugus ... untai  
C untai ... rangkap  
D rangkap ... untai
- 17 Setiap anak tidak boleh mengingkari perintah ibu dan bapa.  
Berikan **perkataan seerti** bagi perkataan mengingkari.
- A Enggan  
B Patuh  
C Gusar  
D Taat

- 18** Lori yang membawa beras itu terbalik menyebabkan beras bertaburan di atas jalan raya.

**Perkataan berlawan** bagi bertaburan ialah \_\_\_\_\_.

- A bersatu
- B berserak
- C bertebar
- D berlonggok

### Soalan 19 – 20

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 19** I Anyaman tikar mengkuang yang dihasilkan oleh Mak Senah memang halus buatannya.

- II Puan Goh menggunakan gula halus untuk menyira kuih donat.
- III Ayah telah menggantikan tayar keretanya yang halus itu.
- IV Makhluk halus dipercayai telah merasuk gadis itu.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 20** I Dengan mempunyai pekerjaan tetap, kehidupan seseorang lebih terjamin.

- II Selendang pemberian kakak ini walaupun murah tetapi tetap lama.
- III Abang tetap dengan keputusannya untuk berhijrah ke bandar.
- IV Pak Kudus tetap tidak mahu berpindah ke rumah anaknya.

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

- 21** Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

Mengapakah kita tidak boleh membuang masa dengan sia-sia?

- A Kita boleh membaca buku supaya masa lapang kita tidak disia-siakan.
- B Kita hendaklah mengisi masa lapang dengan kerja-kerja yang berfaedah.
- C Kita tidak boleh mensia-siakan masa kerana kita yang akan rugi akhirnya.
- D Bagi mengisi masa lapang, lakukanlah kerja-kerja yang berfaedah.

**22** *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Perlawan hoki itu terpaksa dibatalkan oleh pengadil kerana hujan lebat disertai ribut petir.

- A Siapakah yang membatalkan perlawan hoki itu?
- B Bilakah perlawan hoki itu dibatalkan oleh pengadil?
- C Mengapa perlawan hoki itu dibatalkan oleh pengadil
- D Adakah perlawan hoki ketika hujan lebat dan ribut petir itu dibatalkan?

**Soalan 23 - 24**

*Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

**23** “Jika ingin berjaya, kamu mesti tabah menghadapi segala rintangan,” nasihat Pak Mahdi kepada budak-budak itu.

- A Budak-budak itu dinasihati oleh Pak Mahdi supaya tabah untuk berjaya menghadapi rintangan.
- B Pak Mahdi sedang menasihati budak-budak yang telah berjaya menghadapi segala rintangan itu.
- C Pak Mahdi memberitahu budak-budak itu jika mereka ingin berjaya mestilah cekal menghadapi rintangan.
- D Pak Mahdi memberitahu budak-budak itu bahawa kejayaan tidak akan tercapai jika tidak menghadapi segala rintangan.

**24** Tahun ini sahaja, tiga ekor lembu dan dua ekor kambing Pak Mat telah dibaham oleh harimau ganas itu.

- A Pak Mat dan dua ekor lembu telah dibaham pada tahun itu sahaja oleh dua ekor harimau yang ganas.
- B Dua ekor kambing dan tiga ekor lembu telah dibaham oleh harimau Pak Mat yang ganas itu pada tahun itu sahaja.
- C Tiga ekor kambing dan dua ekor lembu Pak Mat telah dibaham oleh harimau ganas itu pada tahun itu sahaja.
- D Tiga ekor lembu dan dua ekor kambing Pak Mat telah dibaham oleh harimau ganas itu pada tahun itu sahaja.

**Soalan 25 – 26***Pilih ayat yang betul.*

- 25 A Emak menyimpan di dalam almari baju-baju itu.  
B Ani sangat sayang akan kedua-dua ibu bapanya.  
C Semua murid-murid beratur di tapak perhimpunan.  
D Setengah pemandu tidak mematuhi undang-undang jalan raya.
- 26 A Penduduk Taman Damai saling tolong-menolong membersihkan kawasan.  
B Bapa saya adalah seorang guru besar di Sekolah Kebangsaan Seri Kandis.  
C Kedua-dua orang pengantin itu kelihatan berseri di atas pelamin  
D Puan Lela menghidangi tetamunya sepiring kuih abuk-abuk.

**Soalan 27 – 28***Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 27 I Keluarga saya telah bercuti di Pulau Perhentian pada minggu hadapan.  
II Perabot yang menghiasi rumah agam itu diperbuat daripada kayu jati.  
III Berbagai barang dibawa oleh ibu ketika pulang dari pasar.  
IV Lembu-lembu di padang sedang meragut rumput.
- A I dan II  
B I dan III  
C III dan IV  
D II dan IV
- 28 I Disiplin sekolah hendaklah dipantau dari masa ke semasa.  
II Izat banyak menyumbang idea dalam mesyuarat itu.  
III Proses memperdalamkan parit itu berjalan lancar.  
IV Surat itu dikirim oleh abang dari luar negara.
- A I dan III  
B II dan III  
C II dan IV  
D I dan IV

**Soalan 29 - 30**

*Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

- 29** Para penonton tidak berpuas hati dan mempertikaikan keputusan hakim pertandingan itu.
- A Berat sebelah  
B Berat tangan  
C Berat tulang  
D Berat hati
- 30** Sikap Mail yang tidak mengambil tahu tentang keadaan sekeliling ibarat \_\_\_\_\_.
- A katak di bawah tempurung  
B gagak pulang ke benua  
C anjing menyalak bukit  
D rusa masuk kampung

**Soalan 31 – 35**

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Aku tersenyum sendirian tatkala menatap foto-foto ketika sambutan Hari Keluarga Haji Nayan yang berlangsung baru-baru ini. Seronok. Itulah ungkapan yang mampu kukatakan.

Masih segar dalam ingatanku betapa seronoknya kami apabila dapat bertemu. Maklumlah, ini merupakan perjumpaan dwi tahunan. Ketika inilah kami dapat bertanya khabar dan beramah mesra. Tahun ini jugalah aku dapat bertemu dengan sepupuku, Damia yang menetap di Wellington, New Zealand.

Dia sebaya denganku. Pak Su, ayah Damia merupakan adik ibuku yang bongsu. Walaupun dia telah lama merantau, namun Damia masih kuat jati dirinya sebagai anak Melayu. Dia tetap berbahasa Melayu ketika berbual-bual.

Masih kuingat, Damia begitu teruja ketika menyertai setiap aktiviti hari keluarga yang dianjurkan selama tiga hari dua malam di rumah pusaka moyang kami, Haji Nayan. Dia tidak ketinggalan membersihkan tanah perkuburan, menceriakan persekitaran rumah tinggalan moyang, menyertai acara sukaneka dan majlis tahlil yang diadakan pada sebelah malam.

Seperkara yang sukar aku lupakan ialah sikap Damia yang suka mencuba. Dia bersungguh-sungguh *mengopek* buah kelapa walaupun caranya amat melucukan. Hidangan tradisional seperti lemang, lontong, rendang daging, gulai perut dan tapai turut dicubanya. Kasihan juga apabila melihat mukanya merah padam menahan pedas rendang daging campur maman yang dimakannya.

Aku pasti merindui saat-saat seperti ini lagi. Bukan dengan Damia sahaja, malah dengan saudara maraku yang lain. Memang perjumpaan seperti ini dapat merapatkan hubungan silaturahim antara kami. Bilakah aku dapat bertemu dengan mereka lagi?

31 Apakah hubungan antara ibu penulis dengan ayah Damia?

- A Jiran
- B Sepupu
- C Ibu saudara
- D Adik-beradik

32 Di manakah sambutan Hari Keluarga Haji Nayan diadakan?

- A Di rumah Damia.
- B Di rumah Pak Su.
- C Di Wellington, New Zealand.
- D Di rumah pusaka Haji Nayan.

33 Bilakah perjumpaan Hari Keluarga Haji Nayan diadakan?

- A Satu tahun sekali.
- B Setahun dua kali .
- C Dua tahun sekali.
- D Tiga tahun sekali.

34 Perkataan *mengopek* bermaksud

- A mengupas.
- B mencabut.
- C mencantas.
- D membelah.

35 Berikut ialah aktiviti yang diadakan sempena sambutan Hari Keluarga Haji Nayan **kecuali**

- A menceriakan persekitaran rumah pusaka Haji Nayan.
- B bergotong-royong membersihkan balai raya.
- C acara sukaneka.
- D majlis tahlil.

**Soalan 36 – 40**

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

144, Taman Desa,  
72200 Batu Kikir,  
Negeri Sembilan.

12 Julai 2013.

Menemui sahabatku saudari Izzah yang kini berada di Bandar Baharu Kulim, Kedah semoga berada dalam keadaan sihat sejahtera di samping keluarga tersayang.

Saudari,

Terlebih dahulu saya ingin memohon ribuan kemaafan daripada saudari kerana terlewat membalias warkah saudari tempoh hari. Saudari ada bertanyakan aktiviti saya semasa cuti penggal yang lalu.

Untuk pengetahuan saudari, saya telah berpeluang bercuti di kampung nenda saya di Kulai, Johor. Tambahan pula, pada masa itu musim buah-buahan. Saya sekeluarga bertolak ke kampung pada 30 Jun 2013. Dalam perjalanan, kami sempat singgah di pekan Air Hitam untuk melepaskan penat.

Saya berasa begitu teruja ketika sampai di kampung nenda saya. Hampir semua pokok mengeluarkan buah dan kebanyakannya sedang masak ranum. Saya juga berpeluang menunggu buah durian gugur di **dangau** nenda. Kedinginan malam yang mencengkam dan terpaksa pula berperang dengan nyamuk menimbulkan keseronokan yang luar biasa. Namun begitu, semua kesukaran itu hilang apabila melihat buah-buah durian melambak di atas tanah.

Sememangnya, pengalaman tidak dapat dibeli. Saya juga tidak dapat melupakan kenangan memetik buah-buahan yang sedang masak seperti buah rambutan, langsat, duku, manggis, pulasan, dan sebagainya. Jika saudari ada bersama-sama tentu lebih seronok. Saya menghabiskan masa di sana selama seminggu.

Setakat ini dahulu warkah yang dapat saya tuliskan untuk tatapan saudari di sana. Jika diizinkan Tuhan, semoga kita bertemu pada masa yang akan datang.

Sekian.

Sahabatmu,  
*Mardina*

- 36 Di manakah penulis bercuti pada cuti penggal yang lalu ?
- A Bandar Baharu Kulim, Kedah.  
B Batu Kikir, Negeri Sembilan.  
C Air Hitam, Johor.  
D Kulai, Johor.
- 37 Bilakah penulis kembali ke rumahnya ?
- A 30 Jun 2013.  
B 7 Julai 2013.  
C 8 Julai 2013.  
D 12 Julai 2013.
- 38 Perkataan **dangau** bermaksud
- A pondok.  
B kolam.  
C denai.  
D ran.
- 39 Yang berikut adalah benar tentang petikan kecuali
- A Mardina bercuti di kampung selama tujuh hari.  
B Semua pokok di dusun nenda telah masak.  
C Rakan Mardina tinggal di Kedah.  
D Penulis lambat membalas surat.
- 40 Apakah tujuan penulis bermalam di dangau ?
- A Menghalau nyamuk.  
B Memetik buah-buahan.  
C Menunggu buah durian gugur.  
D Menikmati suasana malam di dusun.